

20/02/2003

Teka-teki tarikh Chong cuti

Amirullah Andi Nur

KOTA KINABALU: Tarikh sebenar Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, mula bercuti bagi membolehkan seorang pemimpin Umno Sabah memangku jawatan itu

sehingga 27 Mac ini terus menjadi teka teki.

Semalam, Chong yang juga Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) mengesahkan permohonan cutinya belum mendapat maklum balas Perdana Menteri

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Belum lagi (dapat maklum balas), Perdana Menteri belum membuat keputusan," katanya ketika ditemui selepas mesyuarat mingguan Kabinet negeri, di pejabatnya di Wisma Innoprise, di sini.

Dr Mahathir sebelum ini mengesahkan Chong bertemunya pada 6 Februari lalu di Putrajaya untuk memohon bercuti sebelum menamatkan perkhidmatannya

selama dua tahun sebagai Ketua Menteri Sabah pada 27 Mac ini.

Permohonan itu bagi membolehkan bakal Ketua Menteri Sabah mendapat peluang menjalankan kerja sebelum pelantikan sebenar pada tarikh berkenaan.

Mengulas lanjut, Chong berkata cuti itu bagi mengelak sebarang perkara tidak diingini serta perbuatan melobi.

"Saya ingin agar semua pihak terbabit dapat teruskan kerja seperti biasa

tanpa perlu melobi sehingga tempoh perkhidmatan saya berakhir dan penyerahan jawatan ini dibuat," katanya.

Isu pelantikan pemangku Ketua Menteri hangat diperkatakan di Sabah berikutan kenyataan Chong memohon untuk bercuti, sekali gus membayangkan bakal penyandang sebenar jawatan itu akan bertugas pada 27 Mac ini.

Seperti nama bakal Ketua Menteri, nama pemangku jawatan ini juga akan ditentukan oleh Perdana Menteri. Antara yang disebut ialah Pengerusi Badan

Perhubungan Umno negeri, Datuk Musa Aman; Timbalan Ketua Menteri, Datuk Lajim Ukin dan bekas Ketua Menteri, Datuk Salleh Said.

Chong turut mengesahkan tidak menghadapi masalah untuk meneruskan perkhidmatan sehingga 27 Mac jika cutinya tidak diluluskan.

Mengenai kelaziman pemilihan pengganti, Chong berkata beliau dimaklumkan

pelantikannya menggantikan Datuk Osu Sukam dua minggu sebelum perkhidmatan

berakhir.

"Ia mungkin berulang lagi dan jika benar maka nama pengganti saya mungkin akan diketahui selewat-lewatnya pertengahan bulan depan," katanya.

Sementara itu, Lajim dan Salleh dilihat mengadakan pertemuan berasingan

dengan Chong di pejabatnya sebelum sidang akhbar pasca Kabinet semalam.

Lajim dilihat bertemu Chong pada jam 12.35 tengah hari dan berakhir 10 minit kemudian, diikuti Salleh yang berakhir 20 minit kemudian.

Kedua-duanya bagaimanapun enggan mengulas lanjut hasil pertemuan itu.

Chong yang ditanya kemudian mengesahkan pertemuan itu dan berkata ia berkaitan kementerian masing-masing.